

# Penggiat badan kemahasiswaan UMS peroleh pendedahan penulisan, kewartawanan

UB 04.03.2012 B5



Oleh HENRY BATING  
hbating@gmail.com

**B**ENGGEL Penulisan Kewartawanan dan Penerbitan anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) 25-26 Februari lalu memperlihatkan betapa kemahiran dalam bidang penulisan perlu dimiliki oleh kalangan pelajar. Ini kerana bengkel berkenaan dianjurkan khusus untuk kalangan pelajar yang mewakili pelbagai badan kemahasiswaan, guna membekali mereka dengan medium mengeksplorasi minda, isu dan peristiwa bagi mewujudkan situasi yang baik melibatkan kepentingan umum.

Kolum kali ini didedikasikan kepada kira-kira 100 peserta yang telah mendengar dengan penuh perhatian dan minat semua aspek yang dibentangkan termasuk pembentangan saya bertajuk 'Penulisan Berita yang Berkesan'. Pembentangan itu telah disusun atur bagi memperkukuhkan lagi skop teoritikal aspek yang telah dibentangkan oleh Hajjah Lamiri mengenai 'Wawancara dan

Pelaksanaan' serta 'Pengenalan Kepada Berita & Jenis Berita'.

Dua lagi pembentangan menyusul iaitu 'Kartun Editorial Bukan Sekadar Menghibur' oleh Puad Bebit dan 'Penerbitan dan Percetakan Buletin' oleh Che Hasruddin Che Hasan.

Ketika memulakan pembentangan, saya telah menegaskan bahawa aspek yang saya sampaikan sekadar melengkapi pembentangan Hajjah. "Sekiranya anda dapat mempraktikkan semua aspek yang telah disampaikan oleh Puan Hajjah dalam dua siri kertas kerjanya, maka sudah pasti anda mampu menjadi penulis atau wartawan besar, bukan penulis kecil lagi," demikian saya tegaskan kepada hadirin.

Namun demikian, dalam skop penulisan berita yang berkesan, hanya aspek berita langsung dan cerita kapsyen yang sempat disentuh kerana itulah sudut yang selalu mendapat tempat dalam siaran akhbar setiap hari terutamanya akhbar tempatan. Penulisan berita yang berkesan dalam konteks itu ialah 'penghasilan berita yang mampu mendapat tempat dalam siaran'. Tidak kiralah adakah berita itu besar atau kecil, berita berat atau ringan, konteks berkesan dilihat dari sudut berita yang mampu mendapat slot siaran keesokan harinya.

Namun demikian, sebelum pembicaraan diperpanjangkan serta

dilebarkan, pelajar perlu bertanya kepada diri sendiri. Kenapakah mereka perlu menulis? Terdapat pelbagai jawapan. Namun ada dua alasan utama dikemukakan apabila seseorang menyatakan mengapa dia menulis. Pertama kerana mahu mendapatkan sumber rezeki dari pekerjaan sebagai penulis atau wartawan. Kedua, mahu menjadikan bidang penulisan atau kewartawanan sebagai medium khidmat masyarakat.

Bagi alasan pertama, faktor minat turut menjadi faktor yang penting. Oleh kerana minat, meskipun gaji permulaan yang ditawarkan tidak selumayan gaji yang mampu diperolehi di tempat-tempat lain, kerjaya kewartawanan tetap jadi pilihan. Manakala bagi alasan kedua, penulisan dilakukan bukan kerana mendapatkan wang tetapi untuk membantu orang-orang tertentu mengetengahkan masalah mereka.

"Andaikata seorang penduduk menjadi mangsa layanan tidak wajar kakitangan tertentu dalam sesebuah jabatan, maka peristiwa itu boleh diadukan kepada akhbar melalui bahagian aduan pembaca. Apabila aduan itu tersiar, keratan akhbar boleh dikepilkan bersama surat yang akan diajukan kepada ketua jabatan berkaitan. Dengan cara itu, dapat dipastikan bahawa sesuatu tindakan

akan diambil oleh jabatan berkaitan untuk menegakkan integriti khidmat awam mereka". Demikian kalangan peserta pelbagai bidang pengajian diberitahu.

Akan tetapi, isu yang ditulis perlu disaring bagi memastikan tulisan keluar di media sasaran. Hal itu dinyatakan demikian kerana media utama lebih banyak menyiarkan berita berkaitan kepentingan umum dan tidak bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan serta pendekatan kepimpinan pentadbir negara. Andai kata kecenderungan penulisan mirip kepada fokus yang tidak sehaluan dengan orientasi pemerintahan, maka eloklah tulisan itu dihantar ke media-media yang kontroversial. Sungguhpun begitu, terdapat sesuatu perkara harus diingat. Apapun fokus berita itu, penulis akan tetap berhadapan dengan konsekuensi yang tidak akan pernah terlepas dari menjadi responden kepada pertikaian-pertikaian melibatkan pihak-pihak yang terganggu.

Di samping penentuan isu tulisan, penulis juga perlu mengambil kira format penulisan yang dapat memudahkan kerja-kerja editorial. Antaranya, berita langsung yang pada kebiasaannya ditulis antara 6-9 perenggan perlu disertai 1-2 gambar berkaitan. Berbeza dengan rencana yang secara konvensionalnya ditulis

satu setengah muka surat langkau sebaris dengan saiz huruf 11 poin beserta 5-8 gambar.

Berita harus dicetak pada muka surat tersendiri di mana pada hujung berita, disenaraikan kapsyen bagi gambar-gambar yang dikepilkan. Fail berita dalam proses komputer perlu dibuat berasingan dengan fail-fail gambar. Berat gambar harus ringan supaya tidak menyusahkan kakitangan editorial mengeluarkan bahan itu dari emel. Penulis perlu memastikan berat gambar sekurang-kurangnya 100kb dan tidak melebihi 300kb. Jika berat gambar lebih daripada itu, maka dikhuatiri boleh menyusahkan kakitangan editorial dan boleh menyebabkan kiriman berita itu diabaikan. Gambar-gambar pengiring berita juga harus jelas dan diambil secara kandidate, bukan posing.

Kapsyen gambar harus menceritakan kandungan gambar, membayangkan isi berita dan ditulis dalam satu perenggan atau beberapa perenggan. Jika gambar yang dikepilkan adalah pengiring berita, maka memadai kapsyen ditulis dalam satu ayat sahaja. Berbeza jika gambar merupakan cerita kapsyen, maka kapsyen boleh ditulis dalam dua atau tiga perenggan.

Berita langsung ditulis dalam bentuk piramid terbalik. Piramid

atas menyimpulkan cerita mengenai sesuatu peristiwa. Manakala perenggan-perenggan yang menyusul hanya memperjelaskan perenggan pertama tadi yang dianggap sebagai berita utama. Dari perenggan pertama berita, biasanya tajuk dibuat. Justeru, penulis perlu bijak membuat sudut atau 'angle' berita yang dapat membantu menyusun tajuk yang mampu menarik pembaca.

Penghantaran emel ke editorial boleh menggunakan alamat emel surat khabar yang diberikan pada satu sudut kecil muka hadapan dan juga belakang. Selain daripada itu, berita juga boleh dihantar ke emel wartawan akhbar yang alamat emel mereka terpampang bersama 'by line' berita yang tersiar di akhbar. Namun demikian, bagi penghantaran melalui cara ini, berita berkenaan akan dibubuhkan 'by line' wartawan berkenaan.

Sesi khusus melatih peserta mempraktikkan kerja-kerja media telah dilakukan. Semoga bengkel berkenaan yang telah dirasmikan Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Dr Hj Kasim Hj Md Mansor telah memupuk minat kalangan peserta dalam bidang penulisan kewartawanan dan penerbitan buletin.